



# **NAJIB**

**BAKAL PERDANA MENTERI KE-5**

**YUSOF HARUN &  
NOOR ASMAH M.N.**



**NAJIB**  
**BAKAL PERDANA MENTERI KE-5**



# NAJIB

BAKAL PERDANA MENTERI KE-5

PUSTAKA PERDANA




1012341



MUSOF HARUN &  
NOOR ASMAH M.N.



*Najib, tokoh yang bakal menduduki kerusi nombor 1 negara. Ramai mula merasakan teori R.A.H.M.A.N. semakin menjadi kenyataan*



923.2895  
VHC

# NAJIB

## BAKAL PERDANA MENTERI KE-5

Bermula hampir 30 tahun terdahulu, antara ciri terpenting laluan yang terpaksa diharungi oleh seseorang tokoh yang dilantik ke jawatan Timbalan Perdana Menteri ialah kontroversi dan ketidak-pastian sama ada ia akan akhirnya menjadi Perdana Menteri.

Di saat awal Dr. Mahathir(Tun) menjadi Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam hampir pasti sahaja menjadi orang yang bakal mewarisi kerusi politik dan kerajaan paling utama itu. Musa mempunyai segala-galanya untuk menjadi seorang Perdana Menteri dan tokoh negarawan. Beliau bukan sahaja mempunyai karisma dan daya intelektual yang tidak ada pada kebanyakan pemimpin UMNO tetapi mendapat sokongan peringkat akar umbi parti yang cukup kukuh sehinggakan tidak ada sesiapa yang dikatakan berani mencabar kedudukannya selaku Timbalan Presiden UMNO pada ketika itu.

Namun, seperti seolah-olah Malaysia merestui atau membenarkan teori RAHMAN yang sering diperkatakan oleh pemerhati politik dan juga sesiapa sahaja yang menaruh minat terhadap politik Malaysia terutamanya dalam soal siapakah yang bakal menjadi Perdana Menteri pada ketika itu, Musa akhirnya terjebak dalam krisis perebutan jawatan dengan Tengku Razaleigh. Razaleigh anak didik Allahyarham Tun Razak merasakan beliau sepatutnya mewarisi kerusi tersebut setelah dikatakan enggan menerima jawatan kabinet ketika Tun masih hidup disebabkan merasakan dirinya masih terlalu muda.

Pertembungan dengan Tengku Razaleigh yang kemudiannya menyaksikan pertentangan dan perebutan jawatan membawa pada apabila Musa akhirnya memilih untuk meletakkan jawatannya selaku Timbalan Perdana Menteri. Percubaan untuk kembali mendapatkan jawatan itu semula pada pemilihan pucuk pimpinan pada tahun 1987, bukan sahaja menemui kegagalan tetapi seolah-olah meletakkan noktah kepada kerjaya politik Musa.

Begitupun, pemergian Musa tidak bererti teori RAHMAN akan bakal menjadi kenyataan. Pengganti Musa untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri adalah Ghafar Baba (Tun), seorang tokoh yang dikira paling veteran dalam sejarah politik Malaysia dan dalam perjuangan UMNO sendiri. Ghafar pernah berkali-kali menjadi Menteri Kabinet dan pernah pada satu ketika memangku jawatan Perdana Menteri untuk tempoh yang singkat.

Sebaik sahaja dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Ghafar kelihatan agak tenang. Beliau pernah berada di puncak kerjaya politiknya dan dia tahu apa yang harus dilakukan selaku seorang Timbalan Perdana Menteri. Anak kunci bagi seseorang TPM ialah kesetiaan kepada pucuk pimpinan. Lagi pun jawatan TPM bukanlah satu jawatan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia hanyalah prerogatif Perdana Menteri. Jawatan itu boleh sahaja ditiadakan sekiranya seseorang Perdana Menteri enggan melantik seorang timbalannya. Ia tidak akan melanggar mana-mana undang-undang tetapi hanya sekadar membelakangkan tradisi parti.

Perlantikan Ghafar menyaksikan keadaan yang agak “settled” sejauh mana mengenai perlantikan TPM. Lagipun Ghafar dilantik terus oleh Perdana Menteri dan dari segi hirarki parti, Ghafar adalah Naib Presiden UMNO yang paling lama berkhidmat.

Bagaimanapun keadaan tenang yang dinikmati oleh Ghafar tidak lama. Hanya satu kerusi bersebelahannya duduk seorang bintang dalam UMNO yang berjaya menjadi Ketua Pemuda UMNO dalam tempoh rekod dan kemudian berjaya pula menduduki kerusi

parti yang sama statusnya dengan Ghafar sendiri, juga dalam tempoh rekod. Belum ada tokoh UMNO lagi sebelum ini, kecuali Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman yang berjaya melonjak begitu tinggi sebaik sahaja menganggotai UMNO.

Anwar Ibrahim (Datuk Seri) bukanlah nama yang asing bagi rakyat Malaysia. Malah sebelum kemasukannya ke dalam UMNO, Anwar bukan sahaja dikenali sebagai tokoh pemimpin belia Islam yang ulung dan sinonim dengan Angkatan Belia Islam Malaysia yang lebih dikenali dengan akronim ABIM tetapi terkenal dengan pandangan dan pendekatan politiknya yang radikal, sehingga ada kalanya dianggap sebagai berhaluan kiri dan mencetuskan pelbagai kontroversi.

Di sebabkan keberanian Anwar dianggap luar biasa dan kebolehannya berpidato dan memukau penonton sebagai bersifat fenomenal, maka kemasukan beliau ke dalam UMNO dan kemudiannya melompat tangkas dari satu jawatan penting ke satu jawatan penting dalam parti mendapat sorak-sorai yang begitu gemuruh dari akar umbi parti – setidak-tidaknya itulah gambaran yang terlihat pada ketika itu.

Walaupun Ghafar tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan terhadap populariti Anwar yang begitu meningkat dan populariti beliau sendiri yang sudah tentu dirasakan oleh dirinya sendiri semakin menurun, tetapi itulah realiti senario politik UMNO yang beliau perlu akur.

Begitupun hingga tahun 1992 ia masih kelihatan selamat dan tidak terganggu. Beliau mungkin berpeluang menduduki kerusi Perdana Menteri. Walaupun ketika Dr. Mahathir sendiri masih aktif dan dalam usia dan kemampuan mental paling perdana, namun Ghafar tetap menyimpan harapan.

Kedatangan tahun 1993 di mana akan berlaku sekali pucuk pimpinan parti di mana ia merupakan kali ketiga bagi Ghafar selaku Timbalan Presiden selepas kedudukannya buat pertama kali gagal

digugah oleh Musa yang cuba melakukan “come-back” tidaklah begitu gusar buat Ghafar. Ini kerana di sebalik populariti Anwar yang pada ketika itu adalah Naib Presiden paling kanan dan juga Menteri Kewangan, satu jawatan yang dikatakan memberi kelebihan kepada penyandanginya untuk merebut jawatan dalam parti, bekas Presiden ABIM itu telah memberikan jaminan dalam bentuk ikrar, “Saya tidak akan menentang Encik Ghafar...”

Kelegaan yang dinikmati oleh Ghafar bagaimanapun tidak menikmati tempoh yang boleh dianggap selesa. Tidak lama selepas itu, hampir semua bahagian UMNO diseluruh negara dilanda oleh keinginan mahukan “angin perubahan” yang seolah-olah tidak boleh dibendung lagi.

Namun tidak diketahui, apakah sebutan “angin perubahan” itu disadur daripada lagu kumpulan Scorpions bertajuk “Winds of Change” yang sedang popular ketika itu dan dengan lirik yang mengisahkan satu revolusi politik di Gorky Park, Moscow apabila para seldadu revolusi berbaris untuk keamanan dan persaudaraan. Tidak juga diketahui bagaimanakah “angin” yang mengakibatkan akar umbi parti mahukan “angina perubahan” berlaku itu berpunca dari apa.

Oleh kerana senario tersebut berjaya diperlihatkan sebagai satu fenomena semula jadi yang berlaku di kalangan seluruh pemimpin dan ahli-ahli parti, maka bukanlah kehendak Anwar sendiri yang digambarkan sebagai akhirnya terpaksa menerima pencalonan daripada majoriti Bahagian untuk bertanding dan mencabar kerusi yang disandang oleh Ghafar. Lagipun setelah pendekatan ini agak berjaya, gagasan Wawasan 2020 yang diperkenal dan dipelopori oleh Presiden merangkap Perdana Menteri berjaya pula dimanfaatkan bagi merestui kesediaan Anwar menerima cabaran berkenaan. Malah, walaupun Presiden sendiri menasihatkan secara eksplisit agar kedudukan Ghafar tidak dicabar, namun Presiden tidak dapat melawan tiupan angin yang begitu kencang.

Sejarah memperlihatkan kepada kita tentu sekali pertandingan tidak berlaku. Apabila jumlah pencalonan dengan sendirinya menunjukkan satu angka yang tidak memungkinkan ia boleh mempertahankan kerusinya, terutama apabila bebearapa orang penyokong beliau dari kalangan Menteri Kabinet dan juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO turut berbaris di belakang Anwar dalam merestui kesediaan Anwar, maka Ghafar tidak mempunyai pilihan lain:

Sehari selepas Anwar mengadakan sidang media mengumumkan hasratnya untuk bertanding dengan dipagari oleh barisan Pasukan Wawasan, termasuk bekas penyokong Ghafar, wajah ahli politik veteran dan pra-Merdeka itu tersiar di muka hadapan hampir semua akhbar harian dari semua bahasa. Tajuknya beritanya: “Ghafar Meletakkan Jawatan.”

Hari itu sesungguhnya Ghafar mengucapkan “goodbye” selamanya terhadap dunia politik yang bermula lama sebelum Tunku mengisytiharkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu di Padang Bandar Hilir, Melaka pada tahun 1956. Gambar yang menyiarkan Ghafar sedang berjalan longlai di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz untuk berlepas ke London dengan hanya membawa sebuah beg plastik turut melaporkan keputusan beliau meletakkan jawatannya selaku Timbalan Perdana Menteri dan mengosongkan kerusinya selaku Timbalan Presiden UMNO dan Setiausaha Agung Barisan Nasional yang disandangnya untuk tempoh yang begitu lama.

Pemergian Ghafar mengesahkan bukan sahaja kedudukan Anwar selaku Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, tetapi turut mengesahkan teori RAHMAN – Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussien, Tun Dr. Mahathir dan selepas itu sudah pasti Anwar Ibrahim. Ada yang merasakan, “patutlah Musa dan Ghafar serta juga Tengku Razaleigh semuanya gagal dalam usaha sama ada mengekalkan, mempertahankan jawatan atau merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Kini teori RAHMAN tampak akhirnya berada ditempat yang sepatutnya. Ia dilihat sebagai mempunyai keajaibannya tersendiri. Anwar kelihatan mempunyai segala-galanya yang diperlukan untuk seseorang menjadi Perdana Menteri, a man for all seasons – pengetahuan agama yang dilihat sebagai seolah-olah tidak ada tolok bandingnya, kebolehan mentadbir, keseriusan dalam memerangi rasuah dengan ombudsmennya, disanjung oleh para pemimpin di dalam negeri dan dihormati oleh para pemimpin luar negara termasuk pemimpin-pemimpin kuasa besar terutamanya Amerika Syarikat.

Dengan mengambil kira semua itu dan lain-lain perkiraan, maka tidak ada sebab dan tidak terlihat akan adanya sebab di masa depan mengapa Anwar Ibrahim tidak boleh menjadi Perdana Menteri mengambil alih tempat Dr. Mahathir. Malah kalau sandaran dibuat di atas kekuatan teori RAHMAN semata-mata sekalipun, tokoh selepas itu yang paling layak mengisi jawatan PM dan berkedudukan dalam parti serta berpangkal huruf 'A' seperti Anwar sudah berada dalam rimba politik atau political wilderness sejak 1987 lagi dan tidak mungkin tokoh itu akan menggugat. Jika tokoh berkenaan diberikan semula tempat di dalam parti dan kerajaan, maka ia sudah boleh dianggap terlalu baik.

Pendek kata, sahlah sudah kedudukan Anwar sebagai pewaris kerusi terpenting parti dan negara. Sejak 1993 itu Anwar membena kekuatan demi kekuatan dan menggembelingkan sokongannya di dalam parti sehingga hampir mustahil untuk sesiapa sahaja menggugat kedudukannya.

Namun sebagaimana menurut ciri yang telah diacukan bermula dari Musa, rupa-rupanya TPM di zaman Dr. Mahathir tidak begitu selamat selagi tidak menjadi PM walau bagaimana kuat sekalipun kedudukannya di peringkat akar umbi parti. Keadaan ketidak-pastian seseorang TPM di era Dr. Mahathir ini seolah semacam satu badi politik yang ditinggalkan oleh Musa.

Pada tahun 1998, kira-kira lima tahun selepas Anwar menjadi TPM, seorang teman penulis yang bernama Khalid Jafry (kini telah meninggal dunia) menerbitkan sebuah buku bertajuk “50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi PM”. Walaupun sebelum itu terdapat juga buku-buku politik yang menghentam pemimpin, termasuk Dr. Mahathir, tetapi nampaknya buku yang ditulis oleh Khalid Jafry, memulakan golekkan bola yang mengheret Anwar ke kancah kontroversi sehingga dikatakan mengundang kepada krisis kepercayaan penyokong dan peminatnya.

Menurut ceritanya, apabila keadaan ini tercetus, Anwar seolah-olah berusaha mempercepatkan proses menjadikan dirinya sebagai PM. Namun pendakatan “angin perubahan” yang digunakan ke atas Ghafar diputuskan sudah tidak lagi relevan bagi mengusir Dr. Mahathir dari kerusinya. Lagi pun Dr. Mahathir bukannya Ghafar. Dari segi strategi politik, Dr. Mahathir adalah seorang mahaguru yang telah terbukti kelincahannya walaupun apabila terpaksa berdepan dengan raja. Dan lagi pun Ghafar hanyalah seorang TPM ketika gara-gara “angin perubahan” dan Team Wawasan mengelincirkan beliau dari kerusi.

Dipendekkan cerita, sebelum Anwar dapat menyusun sebarang strategi yang berkesan bagi memaksa Dr. Mahathir turun dari kerusinya, Ahli Parlimen Kubang Pasu dan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu telahpun bertindak menurut prerogatifnya. Anwar dipecat selaku TPM dan Majlis Tertinggi UMNO pula menuruti keputusan pemecatan jawatan kerajaan itu dengan memecatkan keahlian Anwar daripada menganggotai UMNO dan dengan demikian sekaligus terlucutlah jawatan TPM yang dimenangnya atas kekuatan “angin perubahan” pada pemilihan 1993.

Untuk seketika, teori RAHMAN kembali dipersoalkan. Dengan berakhirnya seni Anwar di dalam UMNO dan kerajaan, maka soal siapa selanjutnya akan menjadi TPM terus menjadi persoalan.

Di lapisan ketika hirarki parti, lapisan yang sering mengundang kontroversi setiap kali pemilihan pucuk pimpinan parti diadakan terdapat tiga orang Naib Presiden. Mereka yang tidak lagi menaruh kepercayaan kepada teori RAHMAN atau memang awal-awal lagi menganggap ia sebagai teori yang karut dan hanya secara kebetulan sahaja merasakan Dato' Sri Najib Tun Razaklah yang bakal dipilih untuk selanjutnya memikul tanggungjawab selaku TPM. Jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin lain, hatta naib-naib presiden lain, Najiblah paling kanan. Najib telah menjadi Timbalan Menteri seawal 1978 ketika Datuk Sri Abdullah Ahmad Badawi baru menjadi Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan. Bagi Tan Sri Muhyiddin Yassin pula, tahun itu juga adalah kali pertama beliau bertanding dan seterusnya memenangi kerusi Parlimen Pagoh tetapi hanya menjadi Setiausaha Parlimen iaitu Setiausaha Parlimen Kementerian Luar pada tahun 1981.

Untuk seketika Dr. Mahathir tidak mengumumkan siapakah putera mahkota UMNO dan yang akan sekaligus menjadi putera mahkota kerajaan. Apabila ditanya oleh media, beliau tidak memberikan jawapan yang komited. Namun akhirnya, apabila Dr. Mahathir memecahkan kesunyian, penyokong teori RAHMAN sekali berlapang dada apabila Abdullah, yang nama berpangkalkan hurur 'A' dilantik menjadi TPM.

Walaupun ada juga pihak-pihak yang tidak berapa gembira dengan perlantikan ini namun rata-rata semua dapat menerima perlantikan Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi selaku TPM baru menggantikan Anwar, tokoh yang pernah tidak senang dengan kemaraan Abdullah yang bagaikan arus sungai yang mengalir secara senyap.

Abdullah begitu diterima oleh semua kerana imejnya yang cukup sederhana dan dikenali pula sebagai Mr. Nice Guy. Dari segi sokongan akar umbi, Abdullah sudah berkali-kali membuktikan dirinya kuat dan terus relevan dalam UMNO walaupun dalam

keadaan tidak mempunyai jawatan dalam kerajaan dan juga pernah tidak mempunyai jawatan dalam Majlis Tertinggi. Oleh kerana kesederhanaan politik Abdullah yang sudah menjadi semacam trademarnya, Abdullah juga dianggap tidak mempunyai musuh politik yang membolehkan beliau terkena badi atau sindrom yang ditinggalkan oleh Musa. Abdullah yang lebih mesra dengan sebutan Pak Lah sahaja mungkin tidak sevakal Anwar tetapi pengetahuan agamanya dianggap setanding dengan ulama yang mendapat pendidikan formal dalam agama kerana beliau sendiri terdidik dalam bidang agama dan berlatarbelakangkan keluarga dan tokoh politik UMNO yang sememangnya dikenali sebagai ulama.

Dengan ketiadaan Anwar untuk kembali menggugat kedudukannya dan dengan sokongan yang diterimanya oleh semua pemimpin UMNO, paling utama sokongan dua orang Naib Presiden UMNO, dan paling penting penerimaan rakyat secara amnya, maka sekiranya jawatan TPM itu boleh dianggap sebagai siratal-mustakin, maka Pak Lah dirasakan akan melintasi dalam bentuk sebuah jambatan yang lebih lebar dari Jambatan Pulau Pinang.

Sementara tanggapan dan analogi ini boleh dianggap benar, namun Pak Lah turut terkena tempias TPM di era Dr. Mahathir, apabila pada tahun 2004, setelah dua tahun menjawat jawatan tersebut, sudah ada pihak yang mengatakan sebenarnya Pak Lah tidak mempunyai kemampuan untuk menjadi PM menggantikan Dr. Mahathir. Ada pula andaian yang mengatakan kedudukan Pak Lah selaku TPM hanyalah bersifat transisional, iaitu sementara PM mendapat ilham tentang siapa sebenarnya yang patut dan layak mengambil alih jawatan terpenting itu.

Dalam pada itu sudah ada juga suara nakal yang mengatakan Pak Lah sudah tidak sabar-sabar lagi untuk menunggu Dr. Mahathir mengumumkan persaraannya.

Begitupun segala andaian terjawab apabila pada Perhimpunan Agung UMNO 2004, Dr. Mahathir ketika menyampaikan Ucapan

Dasar Presiden tiba-tiba sebak dan mengumumkan persaraannya dalam kerajaan dan parti. Suasana ketika itu menjadi gamat seketika. Apabila suasana kembali reda setelah ditenteramkan oleh Pengerusi Tetap UMNO, Tun Sulaiman Ninam Shah (Allahyarham), dari paling hadapan terdengar suara Timbalan Presiden bercakap dengan nada yang agak kuat tetapi jelas. Pak Lah berteriak, “Tarik balik! Saya mohon Presiden tarik balik keputusan!”

Tentu sesekali selepas itu segalanya adalah sejarah. Pak Lah akhirnya menjadi Perdana Menteri dan teori RAHMAN terus utuh.

Sebelum melepaskan baton kepada Pak Lah, Dr. Mahathir dikatakan berpesan agar Najib dilantik menjadi TPM. Begitupun Pak Lah mengambil masa yang agak lama untuk mengumumkan perlantikan Najib sehingga timbul spekulasi bahawa beliau turut memberikan pertimbangan untuk melantik Muhyiddin selaku TPM dan bukannya Najib.

Tapi akhirnya Najib dilantik menjadi TPM. Ia sudah tentulah prerogatif PM. Ada yang merasakan keputusan yang dibuat oleh Pak Lah itu adalah berdasarkan saranan Dr. Mahathir. Ada pula yang merasakan tanpa saranan Dr. Mahathir sekalipun, Pak Lah tetap akan melantik Najib kerana jika dibandingkan dengan Najib dengan Muhyiddin, Najib adalah jauh lebih kanan. Lagi pula, Pak Lah mengenali bapa Najib secara peribadi kerana Tun Razaklah orang yang instrumental dalam mendedahkan Pak Lah dalam dunia politik apabila beliau dilantik oleh Tun menjadi antara setiausaha Majlis Tindakan Negara selepas Tragedi 13 Mei 1969.

Namun apapun persoalannya, perlantikan Najib diterima oleh semua pihak. Kredibiliti dan pengalaman Najib dalam mejawata pelbagai jawatan kerajaan – selaku Menteri Besar, Timbalan Menteri, Menteri di pelbagai Kementerian dalam kerjaya yang memakan tiga dasawarsa tidak dapat dipertikaikan sesiapa. Sesungguhnya Najib mempunyai track-rekord yang cemerlang. Begitu juga dengan prestasi dan pendekatannya dalam parti yang agak pendiam dan tidak

suka mencabar kedudukan 'sesiapa' walaupun apabila mempunyai peluang yang begitu terbuka sehingga beliau dianggap tokoh yang sentiasa main selamat.

Seperti Musa, Ghafar, Anwar dan Pak Lah, Najib juga tidak mempunyai sebarang masalah di awal perantikannya selaku TPM. Semuanya merupakan pelayaran di atas air yang tenang dengan bayu berpuput lembut. Namun, Najib juga akhirnya terkena tempias badi yang disebut itu apabila ada desas desus mengatakan menantu Pak Lah, Khairy Jamaluddin sedang menjalankan usaha mengekang kemaraan Najib dan seterusnya mencatas peluang beliau menjadi TPM. Antara khabar angin yang popular ialah kononnya Khairy meletakkan orangnya di Kementerian Pertahanan bagi mengawasi Najib.

Jika khabar angin yang dicipta ini bertujuan mengeruhkan keabran yang terjalin di antara Najib dengan Pak Lah, maka ia tidak menghasilkan matlamat seperti yang dikehendaki. Malah hubungan baik di antara orang nombor satu dan orang nombor dua ini terus terjalin dengan lebih rapat. Malah terus menaruh kepercayaan kepada Najib dengan membenarkan beliau beberapa kali memangku tugas Perdana Menteri ketika Pak Lah bercuti di luar negara.

Najib melepasi ujian pusingan pertama ini tanpa banyak masalah. Namun ujian paling getir ialah apabila ada pihak-pihak tertentu yang mengkaitkan pembunuhan rakyat Mongolia, Altantuya Sharibu dengan beliau. Pelbagai blog ditulis dan pelbagai akuan bersumpah dibuat bagi melemahkan Najib dengan cara menghapuskan kepercayaan rakyat kepada beliau. Tetapi Najib tetap tenang. Malah dia paling cool dalam keadaan yang paling ditekan. Setiap kali beliau ditanya oleh media mengenai isu-isu ini, walaupun dalam keadaan paling tidak bersedia, Najib dapat memberikan jawapan dengan setenang-tenangnya. Najib tidak pernah menggelabah, tidak pernah teragak-agak.

Apabila keadaan menjadi reda kembali, ada pula pihak di luar yang menekan beliau berkaitan dengan kes ini sehingga kononnya mendesak pendapat umum bahawa Pak Lah tidak akan mengekalkan jawatan Najib selaku TPM dan tidak membenarkan Najib menjadi Perdana Menteri untuk mengambil tempatnya apabila beliau bersara.

Strategi mereka yang tidak bertanggungjawab ini nampak boleh menghasilkan keputusan yang dikehendaki apabila Pak Lah sendiri sering mengatakan beliau akan mengekalkan jawatannya selaku Perdana Menteri dan Presiden UMNO walaupun di asak dan disedak oleh kalangan tertentu parti sendiri supaya beliau berundur selepas berlakunya tsunami politik Pilihanraya Umum ke-12.

Tetapi semua andaian ini terus meleset apabila pada 11 Julai 2008, Pak Lah mengumumkan tarikh persaraannya dan seterusnya membolehkan berlakunya peralantikan Najib selaku Perdana Menteri.

Berita yang mengakhiri semua andaian pencacai politik, penyebar khabar angin dan menggembirakan penyokong teori RAHMAN itu saya petik sebagai berikut:

*KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengumumkan beliau akan menyerahkan tampuk kepimpinan negara dan parti secara berperingkat kepada timbalannya, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak menjelang pertengahan 2010.*

*Peralihan kuasa Abdullah-Najib berkuat kuasa mulai hari ini dan akan lengkap sepenuhnya Jun 2010.*

*Perkara ini diumumkan oleh Abdullah selepas majlis Taklimat Presiden di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini sebentar tadi.*

*Kata Abdullah, keputusan mengatur peralihan kuasa ini tidak dipengaruhi oleh sebarang bentuk tekanan dalam Umno supaya beliau meletakkan jawatan.*

*Abdullah telah didesak oleh pelbagai pihak supaya beliau berundur daripada jawatan Presiden Umno dan Perdana Menteri ekoran keputusan kurang memberangsangkan parti itu dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ke-12 8 Mac lalu.*

*Malah, Abdullah yang mengambil alih kepimpinan parti dan kerajaan pada Oktober 2003 juga mengulangi bahawa beliau akan mempertahankan jawatannya pada Disember ini dan mahu Najib kekal sebagai timbalannya.*

*Abdullah, 69, juga merupakan Pengerusi BN dan Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang.*

*Pada sidang akhbar hari ini Abdullah juga mengumumkan bahawa jawatan Presiden dan Timbalan Presiden boleh ditandingi oleh sesiapa sahaja.*

*Kata Abdullah, dengan keputusan itu beliau tidak akan memimpin BN pada pilihan raya umum akan datang yang dijangka pada 2012 atau 2013.*

*“Saya ambil kesempatan memaklumkan kepada anggota Majlis Tertinggi pada mesyuarat tadi bahawa saya telah mencapai kesepakatan dengan Najib bahawa saya tidak akan memimpin parti BN dan Umno pada pilihan raya yang akan datang yang ke-13.*

*“Dan juga ini bermakna satu peralihan kuasa perlu diwujudkan. Saya maklumkan kepada MT ia bermula dengan apa yang saya umumkan hari ini.*

*“Taitu saya bercadang untuk menyerahkan jawatan kepada Najib untuk ambil alih jawatan presiden parti dalam pertengahan Jun atau pertengahan tahun 2010,” katanya.*

*Kira-kira tiga minggu lalu ketika berada di Kelantan dan Terengganu, Abdullah mengumumkan bahawa beliau telah mencapai kata sepakat dengan Najib berhubung peralihan kuasa dan tarikhnya akan diumumkan kelak.*



Kematangan dalam politik tidak semestinya kematangan dalam kepimpinan. Ia dua perkara yang berbeza. Jarang sekali seseorang ahli politik menimba kedua-dua kematangan ini secara serentak. Namun bagi tokoh politik yang dikenali umum sebagai Dato' Najib bin Tun Haji Abdul Razak, kematangan politik dan kepimpinan ditimba serentak secara peringkat demi peringkat. Justeru apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menamakan beliau sebagai penggantinya untuk jawatan Perdana Menteri menerusi peralihan kuasa 2010, maka bermakna Malaysia bakal dipimpin oleh seorang lagi ahli politik yang kemampuannya tidak perlu diragui. Malah tidak mustahil sekiranya bakal Perdana Menteri ke-5 ini akan tercatat dalam sejarah sebagai antara tokoh politik luar biasa yang pernah menerajui negara.